

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

STU333 – Seminar Kerja Sosial

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Schwartz (1969) mengatakan bahawa “ ... sesuatu masalah peribadi (private trouble) merupakan contoh spesifik bagi isu awam (public issue) dan sesuatu isu awam terbentuk daripada beberapa masalah peribadi”. Bincangkan kenyataan di atas dengan menggunakan contoh yang bersesuaian.

(100 markah)

2. Bahaskan bagaimana undang-undang berperanan dalam konteks kerja sosial, sebagai alat menjamin hak dan menentukan tanggungjawab individu dan masyarakat. Sertakan alasan dan contoh.

(100 markah)

3. Praktis Kerja Sosial adalah gabungan kreatif antara ilmu pengetahuan, nilai dan kemahiran (creative blending of knowledge, values and skills). Bincangkan.

(100 markah)

...2/-

4. Bincangkan dengan menggunakan contoh perbezaan di antara klien sebagai penerima perkhidmatan dan klien sebagai pengguna perkhidmatan.

(100 markah)

5. a) Apakah peranan anda sebagai pekerja sosial dalam menghadapi masalah perpaduan kaum dan negara.

dan

- b) Apakah program yang boleh dilaksanakan untuk menangani masalah tersebut?

(100 markah)

- 000 0 000 -